BIRO AGAMA KELAB EPEROLEHAN

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Bil 35/2011
Jumaat
23 Disember 2011
27 Muharram 1433 H

http://biroagamakelabep.blogspot.com

BAITULMUSLIM

Baitulmuslim - Rumah tangga Islam (Muslim)

Dakwah - iaitu seruan kepada syariat Allah/ajak manusia menyembah Allah SWT

Komponen:

1. Suami
2. Isteri
3. Anak-anak

Apakah dasar-dasarnya?

Secara amnya ia merangkumi konsep keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala suruhan Allah dan menjauhi segala larangan Allah.

Baitulmuslim dakwah. Penulis lebih merujuk kepada komponen dalam membentuk baitulmuslim dakwah.

Pertamanya ialah bakal suami, anak kepada ibu bapa, pemuda (syabab) di jalan dakwah. Bermulanya fasa pembentukan individu Muslim iaitu sebagai seorang syabab, abang kepada adik-adik dan juga peranan sebagai seorang anak. Dalam fasa ini merupakan suatu yang sangat mustahak bagi seorang pemuda Islam yang beriman. Dalam proses pembentukan individu Muslim mengikut acuan Islam yang syumul memerlukan kefahaman yang mendalam tentang ilmu-ilmu Islam. Dalam fasa inilah perlu ada dalam diri setiap pemuda Islam untuk mentarbiahkan (mendidik) diri menjadi Muslim yang benar-benar bertakwa.

Mesti ada di kalangan kita yang menginginkan bakal-bakal zuriat mereka nanti menjadi pejuang-pejuang kebenaran. Ada juga yang inginkan anak-anak yang bakal lahir nanti menjadi profesional ulama' iaitu mereka yang sangat prihatin dengan ilmu-ilmu keagamaan dan juga sains. Golongan ini dapat menghubungkaitkan antara Al-Quran dan sains.

Golongan profesional ulama' yang hafaz keseluruhan Al-Quran dan dapat menguasai ilmu-ilmu fekah serta ilmu-ilmu sains dan dengan ilmu ini mereka dapat menyelesaikan pelbagai masalah yang melanda masyarakat. Itulah yang diharapkan daripada baitulmuslim dakwah iaitu melahirkan generasi Al-Quran yang unggul. Itulah yang menjadi cita-cita penulis sebagai seorang pemuda dan ayah kepada anak-anaknya nanti. Oleh itu,apa yang penulis dapat kongsikan daripada artikel ini ialah bagaimana kita iaitu para pemuda Islam ingin merealisasikan impian dan harapan ini?

Penulis mulakan dengan dirinya sendiri, selaku hamba Allah yang sangat lemah. Kalau kita ingin melahirkan generasi profesional ulama' ini, perkara yang paling penting ialah perlunya kita mendidik diri kita terlebih dahulu untuk menjadi seorang profesional ulama'. Sekiranya kita ingin melihat bakal anak-anak kita nanti hafaz Al-Quran, kita juga sekarang ini perlu hafal Qur'an. Kalau kita ingin melihat bakal anak-anak kita nanti berminat dengan ilmu agama dan sains, kita pun sekarang ni perlu melazimkan diri untuk menuntut ilmu agama dan sains dengan tekun dan bersungguh-sungguh.

Sekiranya kita ingin melihat anak kita menjadi ulama' dalam bidang fekah dan tafsir, kita juga perlu mendidik diri kita sekarang ini dengan mempelajari ilmu fekah dan juga tafsir. Dan begitulah seterusnya berdasarkan apa yang kita ingin corakkan kepada generasi anak-anak kita nanti. Ini adalah satu permulaan bagi diri kita, insyaAllah.

Bilamana kita sebagai seorang bakal isteri, pastinya kita ingin jadi isteri yang solehah buat suami kita. Secara umumnya macam itulah. Katakanlah kita memasang impian untuk menjadi seorang isteri solehah bilamana berkeluarga nanti, jadi waktu sekarang inilah perlu kita latih diri kita untuk menjadi solehah. Wanita ini secara amnya bersifat lembut dan mereka ni sangat mahir dalam mendidik anak-anak.

Itulah kelebihan yang Allah berikan kepada kaum wanita tetapi mereka perlu mendapat bimbingan daripada seorang suami yang soleh. Seorang isteri yang solehah ialah bilamana suami memandangnya akan terasa sejuk hati suaminya dan bertambah tenang jiwa suaminya, itulah yang dinamakan baiti jannati (rumahku syurgaku).

Peringatan daripada penulis kepada kaum wanita, sekiranya anda inginkan anak-anak yang bakal lahir nanti sebagai seorang pejuang agama Allah, maka hendaklah kalian melazimi diri dengan membaca Al-Quran setiap masa dan ketika, melazimi menghadiri majlis ilmu contohnya kuliah fiqh wanita, usrah-usrah dan sebagainya. Kalau anda berpeluang untuk hafal Al-Quran, maka *go on with that habit*. Semoga anak-anak yang bakal lahir nanti akan mewarisi perilaku ibunya, insyaAllah. Maka akan lahirlah baitulmuslim dakwah.

* *penulis aktif menulis di blog beliau PROFESIONAL ULAMA*

SUMBER : http://www.iluvislam.com/v1/readarticle.php?article_id=2402